



Gempur kegiatan along

"Peringatan kewangan ini perlu diberi dari semasa ke semasa"

Dr Mohamad Fazli Sabri

■ Kakitangan awam perlu diberi kesedaran bijak urus kewangan elak berhutang

Oleh Intan Mas Ayu Shahimi

imas@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan perlu mewajibkan kakitangan awam mengikuti kursus pendidikan kewangan secara berkala bagi memupuk kesedaran terhadap pentingnya mengurus wang supaya tidak terjerumus dalam perangkap hutang.

Pakar Kewangan Pengguna dari Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, isu penjawat awam meminjam along tidak harus dipandang enteng kerana boleh menjelaskan masa depan negara.

"Mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan, universiti, Agensi Kewangan dan Pengurusan Kredit (AKPK) serta pemain industri yang bergerak aktif sebagai perunding kewangan bertauliah menerusi pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

"Saya percaya, jika kursus kewangan disampaikan secara berkala, ia mungkin memberi kesan positif kepada penjawat awam," katanya.

Jelas Dr Mohamad Fazli, pendidikan kewangan adalah modul penting yang sepatutnya disampaikan majikan kepada pekerja, tidak kira di sektor awam maupun swasta.

"Peringatan kewangan ini perlu diberi dari semasa ke se-



LAPORAN Harian Metro,
semalam.

masa untuk memupuk kesedaran pekerja dalam menguruskan kewangan masing-masing.

"Pada masa sama, kerajaan juga perlu memantau syarikat peminjam wang berlesen untuk melihat sama ada mereka beroperasi secara telus atau tidak," katanya.

Tambah beliau, iklan pinjaman segera perlu dibersihkan daripada pandangan umum dan kegiatan along wajar di gempur untuk keselamatan orang ramai.

"Paling penting, kerajaan harus mengehadkan pengeluaran lesen perniagaan seumpama ini untuk mengawal kemudahan pinjaman mudah kepada golongan yang tidak mampu," katanya.

Kongres Kesatuan Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dalam laporan muaka depan akhbar ini, semalam mendedahkan lebih 12 peratus kakitangan kerajaan terikat dengan hutang along sejak 2012.

Angka itu didakwa terus bertambah berikutan faktor gaji rendah, peningkatan kos sara hidup dan kehendak individu yang tidak terbatas.